



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*PUBLIC HEALTH*) (M.13-14 EB.15)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 05 JULAI 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 19 JULAI 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JUN/07/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian / Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PUBLIC HEALTH)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB 15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains Kesihatan Alam Sekitar (*Environmental Health Science*) / Sains Kesihatan Awam (*Public Health Science*) / Sains Kawalan Penyakit Berjangkit (*Infectious Disease Control*) / Sains Epidemiologi (*Epidemiology*) / Sains Entomologi dan Kawalan Vector (*Entomology and Vector Control*) / Kesihatan Cara Kerja (*Occupational Health*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh lembaga-lembaga profesional kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan lembaga-lembaga profesional kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab terus kepada Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan;
2. Membantu Ketua Bahagian / Unit atau pegawai yang lebih kanan dalam:
 - a) Pengurusan dan pentadbiran pejabat / bahagian / unit dan kakitangan di mana pegawai dilantik bertugas;
 - b) Menyediakan penyelarasan dan pemantauan program-program dan aktiviti-aktiviti kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar dari masa ke semasa mengikut perancangan yang sedia ada. Ini tertakluk di mana pegawai yang dilantik ditugaskan seperti dalam aspek-aspek:
 - i) Kesihatan Alam Sekitar;
 - ii) Keselamatan dan Kualiti Makanan;
 - iii) Kawalan Penyakit Berjangkit; dan
 - iv) Kesihatan Cara Kerja.



- c) Menyediakan perancangan bahagian / unit setiap tahun yang melibatkan sumber keperluan, peruntukan perbelanjaan dan kelengkapan yang diperlukan dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dirancangkan;
 - d) Membuat persediaan perbincangan mesyuarat-mesyuarat teknikal perkhidmatan Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar;
 - e) Membantu menyediakan laporan bulanan dan tahunan serta data / maklumat yang berkaitan di bahagian masing-masing;
 - f) Menyediakan dan memberikan latihan yang berhubungkait dengan tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti unit kepada kakitangan baru yang sedang berkhidmat; dan
 - g) Memantau dan mengkaji pelaksanaan dan kemajuan program-program dan aktiviti-aktiviti kesihatan yang dilaksanakan oleh bahagian / unit tempat bertugas dari masa ke semasa.
- 3. Melaksanakan penguatkuasaan Akta-Akta yang berkaitan dengan Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar;
 - 4. Memberikan ceramah atau taklimat kepada orang ramai dalam aspek-aspek pendidikan Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar;
 - 5. Membantu dalam penggubalan undang-undang kesihatan dan menasihati mengenai penggubalan perundangan yang berkaitan dengannya;
 - 6. Membantu menasihati Kementerian Kesihatan dalam hal ehwal undang-undang dan menyelaras pengurusan undang-undang antara Kementerian Kesihatan dan Pejabat Peguam Negara;
 - 7. Memberikan ceramah atau taklimat kepada orang ramai dalam aspek-aspek pendidikan Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar;
 - 8. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisma dan sebagainya;
 - 9. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik (*Academic Lecturer*) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan;
 - 10. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawabnya; dan



11. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari masa ke semasa dan bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di negara ini termasuk di luar waktu bertugas dan hari-hari kelepasan awam jika dikehendaki.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Emel : recruitment.ahp@moh.gov.bn

No.Tel : 2383020